

CABARAN SATU PELUANG

Noraini Talip wanita kental di sebalik pemuliharaan flora Malaysia

FOKUS

Oleh Amir Abd Hamid

amir_hamid@mediaprima.com.my

Di tengah kehijauan Taman Botani Bangi, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Dr Noraini Talip menapak dengan penuh yakin di antara deretan pokok dan paku pakis unik yang menjadi kebanggaan negara.

Bagi beliau, setiap daun, bunga dan batang bukan sekadar flora. Ia adalah khazanah biodiversiti yang menyimpan cerita, ilmu dan harapan untuk generasi akan datang.

Sebagai Ketua Taman Botani Bangi, Prof Noraini, 56, tidak hanya memimpin institusi yang berfungsi sebagai pusat konservasi dan penyelidikan, malah menjadi wajah inspirasi wanita dalam dunia sains yang tradisinya banyak didominasi lelaki.

"Setiap pokok yang ditanam atau dipelihara membawa cerita tentang warisan alam, kepelbagaian biologi dan harapan masa depan.

"Taman Botani Bangi bukan sekadar taman biasa, malah berfungsi sebagai jantung konservasi flora negara," katanya.

Prof Noraini menegaskan, peranan taman botani bukan hanya sebagai landskap indah untuk rekreasi.

Ia adalah pusat konservasi berasaskan sains yang menyokong agenda biodiversiti negara.

Aktiviti yang dijalankan merangkumi dokumentasi taksonomi flora tempatan, pengurusan ex-situ, pemantauan in-situ serta pengumpulan koleksi genetik tumbuhan sebagai sumber rujukan saintifik.

PROF Noraini menunjukkan *Nepenthes malayensis* atau periuk kaca (gambar), antara senarai tumbuhan yang memerlukan perhatian segera.

“Melalui jaringan kerjasama dengan universiti, agensi kerajaan, industri dan komuniti, taman ini mengekalkan kesinambungan usaha pemuliharaan yang holistik.

“Pemuliharaan flora tidak boleh dilakukan sendiri. Ia memerlukan ekosistem kerjasama yang lengkap, termasuk pembangunan produk bioteknologi berasaskan biodiversiti dan pendidikan lestari kepada masyarakat,” jelasnya.

Dalam senarai tumbuhan yang memerlukan perhatian segera, Prof Noraini menyorot kepentingan spesies seperti ‘Rafflesia spp.’ (Bunga Pakma), ‘Nepenthes malayensis’ (periuik kaca), ‘Meranti’ (Shorea spp.) dan tumbuhan herba seperti Tongkat Ali (Eurycoma longifolia).

“Setiap spesies mempunyai peranan ekologi, genetik dan budaya tersendiri.

“Kepupusan spesies tempatan bukan sahaja merugikan alam, malah mengancam pembangunan bioekonomi negara,” katanya.

Namun, ancaman kehilangan habitat akibat pembangunan, penebangan dan perubahan iklim tetap membimbangkan.

Menurut beliau, tindakan segera melalui pemuliharaan in-situ, ex-situ, dan pendidikan masyarakat amat kritikal.

Prof Noraini mengakui, usaha memulihara flora bukan tanpa cabaran.

Kekangan dana, kurang kesedaran masyarakat, kekurangan kepakaran teknikal serta kelemahan pelaksanaan dasar menjadi halangan utama.

“Pemuliharaan flora adalah usaha kompleks. Kami mengatasi cabaran ini dengan penyelidikan berasaskan sains, pendidikan komuniti, kerjasama strategik dan pemerksaan sumber manusia,” jelas beliau. Katanya, generasi muda pula dilihat sebagai ejen perubahan melalui program sekolah, kem biodiversiti dan projek komuniti.

Prof Noraini berkata, ini untuk generasi muda dapat belajar mengenai spesies tempatan dan mengambil bahagian secara aktif dalam pemuliharaan.

Dorongan Prof Noraini menulis buku datang daripada kesedaran bahawa ilmu tidak boleh mati bersama jasad.

Sejak 2007, beliau



PENGARAH Yayasan Canselor, menjalankan fungsi Timbalan Naib Canselor, Hal Ehwal Jaringan Industri dan Masyarakat UKM, Prof Dr Faizal Mohamed (tiga dari kanan) bersama Dekan Fakulti Pengajian Islam merangkap Duta Dana Wakaf Khas Taman Botani Bangi, Prof Datuk Dr Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim (dua dari kiri), Dekan Fakulti Sains dan Teknologi UKM, Prof Dr Ishak Ahmad (dua dari kanan), Dekan Pusat Pengajian Siswazah Perniagaan, Prof Dr Zafir Khan Mohamed Makbul (kanan) dan Dr Noraini Talip bergambar selepas melakukan gimik pelancaran pada Majlis Pelancaran Dana Wakaf Khas Taman Botani Bangi di Kompleks Rumah Tumbuhan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi, baru-baru ini.



PROF Noraini (berdiri dua kanan) ketika turut mengiringi sewaktu lawatan Perdana Menteri Malaysia kelima, Allahyarham Tun Abdullah Ahmad Badawi (depan kiri) di Taman Botani Bangi.



EKSPLORASI ke Taman Botani Bangi menjanjikan ketenangan sambil mendekati alam.

sudah menghasilkan 23 buku termasuk karya berprestij seperti ‘Plant Anatomical Atlas of Medicinal Plants’, ‘Bakau Rhizophoraceae: Anatomi dan Mikromorfologi Daun’ dan ‘Bombacaceae: Anatomi dan Mikromorfologi Daun’.


Buku paling dekat di hati beliau ialah Anatomi dan Mikroskopik Tumbuhan serta Histologi dan Teknik Pengawetan Tumbuhan, kerana kedua-duanya merangkumi kepakaran khusus beliau selain hasil perjalanan penyelidikan panjang di Malaysia.

“Buku-buku ini bukan sekadar kompilasi ilmu. Ia menjadi panduan praktikal, rujukan penyelidikan, dan jambatan antara sains, pendidikan dan masyarakat,” katanya.

Pelancaran Dana Wakaf Khas Taman Botani Bangi baru-baru ini, menjadi tonggak bersejarah dalam usaha memulihara flora tempatan.

Strategi Prof Noraini memastikan dana ini memberi impak nyata melalui tujuh langkah strategik, termasuk pembangunan nurseri spesies terancam, jalinan kerjasama kebangsaan dan antarabangsa, serta pendidikan awam berimpak tinggi.

Selain itu, dana ini akan menyokong pembangunan



NASIHAT wanita untuk berani menongkah arus, membina kredibiliti melalui pendidikan, pengalaman praktikal dan penyelidikan berkualiti.

Pusat Pendidikan Biodiversiti Negara, kenderaan logistik untuk kerja lapangan dan nurseri pembiakan tumbuhan sebagai bank genetik. Matlamatnya jelas, menjadikan Taman Botani Bangi pusat rujukan flora negara dan destinasi ekopendidikan bertaraf antarabangsa.

Bukan mudah sebagai wanita yang menempatkan diri dalam bidang botani dan konservasi yang tradisinya didominasi lelaki.

Prof Noraini mengakui sering berdepan cabaran persepsi dan peluang, namun ketekunan dan kepakaran membuka jalan untuk memimpin projek berskala besar.

Flora tempatan bukan sekadar hiasan. Ia khazanah biodiversiti yang menyokong ekosistem, kehidupan manusia, dan warisan budaya

NORAINI TALIP

“Ketekunan, kepakaran dan kolaborasi strategik membuka peluang untuk wanita menonjol.

“Saya ingin mendorong lebih ramai wanita muda menyertai bidang ini,” katanya.

Beliau menasihati wanita untuk berani menongkah arus, membina kredibiliti melalui pendidikan,

pengalaman praktikal dan penyelidikan berkualiti.

Bagi anak penoreh getah berasal dari Kampung Melayu Raya, Segamat, Johor itu, setiap cabaran dianggap peluang untuk berkembang dan pemuliharaan alam dijadikan misi peribadi.

Dalam lima hingga 10 tahun akan datang, Prof Noraini optimis, pemuliharaan flora Malaysia akan lebih matang, berintegrasi dengan teknologi, pendidikan masyarakat dan jaringan kolaborasi antarabangsa.

“Flora tempatan bukan sekadar hiasan. Ia khazanah biodiversiti yang menyokong ekosistem, kehidupan manusia, dan warisan budaya.

“Kesedaran ini mesti dimiliki oleh setiap lapisan masyarakat,” tegas beliau.

Harapan terbesar beliau ialah, Taman Botani Bangi menjadi pusat rujukan dan pendidikan flora tempatan, diiktiraf di peringkat kebangsaan dan antarabangsa, sambil memastikan warisan flora Malaysia terus lestari untuk generasi akan datang.

Walau sibuk dengan penyelidikan, Prof Noraini tetap menyeimbangkan kehidupan peribadi melalui disiplin, doa dan aktiviti mendekati alam.

Berkebudayaan, melukis tumbuhan, menulis dan ekspedisi lapangan adalah cara beliau menyatu dengan flora.

Satu kisah paling mistik yang tidak dilupakan berlaku di Bukit Lagong, Gombak, semasa ekspedisi mengutip spesies balak.

Seorang pemanjat pokok profesional tersesat di hutan selepas mendengar panggilan mistik, akhirnya terselamat di perkampungan Orang Asli.

“Pengalaman itu memberi saya rasa hormat yang mendalam terhadap alam dan misterinya,” katanya.

Prinsip Prof Noraini mudah tetapi kuat iaitu, setiap tindakan kecil, walaupun hanya menanam satu pokok atau mendokumentasikan satu tumbuhan, mampu memberi impak panjang kepada ilmu, masyarakat, dan alam sekitar.

Kesabaran, ketekunan dan integriti menjadi teras dalam setiap langkahnya.

“Dalam dunia botani, tiada usaha yang terlalu kecil. Setiap tindakan memberi impak kepada masa depan,” katanya penuh inspirasi.